

# Abdullah guna pen 'Mont Blanc' pemberian ibu tandatangani watikah

PUTRAJAYA 22 Mac - Pen 'Mont Blanc' yang digunakan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sewaktu menandatangani watikah pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri di Istana Negara petang ini mempunyai kenangan tersendiri kerana ia merupakan hadiah daripada ibunya, Allahyarham Datuk Kailan Hassan.

Sambil menunjukkan pen tersebut kepada wartawan tempatan selepas menghadiri sidang akhbar di kediaman rasminya di Presint 16 di sini, Abdullah yang lengkap berbaju Melayu hitam dengan butang yang juga dihadiahkan oleh ibunya, tiba-tiba terkenang saat beliau mengangkat sumpah menjadi Perdana Menteri pada 31 Oktober tahun lalu.

"Masa itu, ibu saya nampak yang saya memakai lima butang baju Melayu yang dihadiahkan kepadanya. Dia bertanya kenapa tidak gunakan pen yang dia berikan untuk menandatangani (watakah)?"

"Hari ini saya ada pen ini (di poket km atas), tetapi dia (ibu) tidak ada di sisi untuk melihatnya. Tak mengapalah saya akan gunakan juga pen ini sebagai tanda kenangan," katanya yang jelas masih kuat mengingati ibunya yang baru sahaja pergi menemui Illahi pada bulan lalu.

Abdullah yang memimpin Barisan Nasional (BN) memenangi pilihan raya umum ke-11, turut meletakkan penghargaan atas kejayaan besar yang diperolehnya kepada isteri tercinta, Datin Seri Endon Mahmood.

Perdana Menteri menyifatkan sokongan isterinya, sebagai sumber kekuatan utama yang mendorong kejayaan beliau menerajui BN sehingga mencatat kemenangan besar pada pilihan raya umum kali ini.

"Dia boleh melakukan apa yang orang lain tidak boleh buat. Baju dan makan pakai saya, dia jaga," katanya.

Selepas melalui debaran menunggu pengisytiharan pembentukan semula kerajaan BN dengan majoriti besar dua pertiga di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pukul 1.46 pagi tadi, Abdullah hanya sempat melepaskan mata tidak sampai lima jam sebelum memulakan semula hari seperti biasa.



**ABDULLAH Ahmad Badawi melangkah penuh bergaya ketika berada di kediaman beliau di Presint 16, Putrajaya sebelum mengadakan sidang akhbar, semalam. — Gambar RAJA JAAFAR ALI**

Menemani isterinya, Endon, suami penyayang ini melakukan senaman regangan rutin selepas menunaikan solat subuh sebelum sama-sama bersarapan ringan di kediaman rasminya.

Walaupun hari ini beliau tidak ke pejabat, jadual hariannya, tetap tidak berbeza daripada hari-hari biasa iaitu dipenuhi dengan kerja apabila pegawai-pegawainya pula

yang datang ke rumah untuk mengadakan perbincangan bersama.

Pada sebelah tengah hari, Abdullah diwawancara oleh wartawan BBC dan CNN sebelum meluangkan masa kira-kira sejam mengadakan sidang akhbar untuk media tempatan di dewan serbaguna kediaman rasminya.

Abdullah dan isteri kemudian bergegas ke Istana Negara untuk upacara

mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri yang baru diberi mandat untuk menerajui negara bagi tempoh lima tahun akan datang.

Sebagai seorang suami dan bapa yang terkenal dengan sifat penyayangnya terhadap keluarga, Abdullah mengisi malam pertama selepas memimpin kemenangan besar BN pada pilihan raya umum ke-11 dengan menghabiskan masa di rumah.